

08/06/2002

Kabinet lulus dua lagi saluran TV

MELAKA, Jumaat - Kementerian Penerangan sudah mendapat kelulusan Kabinet bagi mewujudkan dua lagi saluran televisyen bagi membolehkan rancangan pendidikan dan sukan disiarkan lebih meluas.

Menteri berkenaan, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) pada peringkat akhir kajian operasi saluran itu sebelum ia diperkenalkan.

Beliau berkata, kajian itu meliputi kos, pemasangan stesen pemancar dan peralatan yang diperlukan sebelum siaran percubaan dimulakan di sekitar Lembah Klang.

Khalil berkata, Saluran 3 dan 4 RTM itu adalah tambahan kepada Saluran Perdana dan Saluran Emas ketika ini.

"Kita yakin saluran tambahan ini membolehkan lebih banyak rancangan tempatan terutama berkaitan pendidikan dan sukan disiarkan.

"Masa siaran terutama pendidikan perlu berikutan pertumbuhan pesat institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis dialog warga Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh di sini, hari ini.

Kira-kira 1,000 pelajar KUTKM menghadiri majlis itu. Turut hadir, Rektornya, Datuk Prof Dr Mohd Ruddin Ab Ghani, Timbalan Rektor (Akademik), Prof Ismail Hassan dan Timbalan Rektor Pembangunan dan Perancangan Korporat, Prof Dr Azhari Saleh.

Dialog itu bertujuan memberi peluang kepada pelajar dan masyarakat universiti bersemuka pemimpin bagi mendapatkan penjelasan mengenai dasar dan tindakan yang sudah dan akan diambil kerajaan.

Mengenai majlis itu, beliau berkata, ia program yang cukup baik bagi membolehkan pemimpin dan pelajar berdialog mengenai isu semasa.

"Amalan ini bukan perkara baru kerana selain pemimpin biasa, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menemui pelajar dalam lawatannya ke luar negara," katanya.

Menjawab soalan pada majlis itu, Khalil berkata, pelajar perlu bijak memilih kursus ketika di IPT bagi memastikan mereka mendapat peluang pekerjaan selepas menamatkan pengajian masing-masing.

Beliau berkata, sejajar hasrat kerajaan menjadikan negara maju menjelang 2020, bidang teknikal, kejuruteraan dan maklumat menjanjikan peluang pekerjaan kepada lepasan universiti.

"Setiap pelajar perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran sejajar kehendak pasaran kerja semasa. Selain itu, penguasaan Bahasa Inggeris amat penting bagi membolehkan mereka bekerja di luar negara," katanya.

(END)